

# 19th MFC BULLETIN

Adapting Forestry To New Reality



EDISI PERTAMA

13 JUN 2022 (ISNIN)

## Sekasur sirih... Seulas Pinang...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Selamat datang diucapkan kepada semua ahli Persidangan Perhutanan Malaysia atau *Malaysian Forestry Conference (MFC)* ke-19 yang diadakan pada 12 hingga 15 Jun 2022 di negeri Pahang Darul Makmur. MFC merupakan satu platform bagi ahli persidangan untuk saling bertukar fikiran, maklumat dan berkongsi pengalaman berkaitan pentadbiran, pengurusan, perancangan serta pembangunan sektor perhutanan di Malaysia pada masa kini. Bertemakan "Adapting Forestry To New Reality", tema ini dilihat bertepatan dengan keperluan dan teknologi masa kini sejajar dengan aspek pendigitalan dari segi pengurusan dan penguatkuasaan hutan dan ke arah *The Fourth Industrial Revolution (4IR)*. Selain pembentangan kertas kerja, MFC kali ini juga memaparkan poster dan pameran dari pelbagai agensi serta aktiviti sukan dan lawatan ke sekitar negeri Pahang.

Semoga MFC ke-19 kali ini dapat berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.



DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG  
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PENGANJUR PERSIDANGAN  
PERHUTANAN MALAYSIA KE-19



## Dari Meja Pengarang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mananjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya *19th MFC Bulletin* ini berjaya diterbitkan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kedatangan kepada semua ahli Persidangan Perhutanan Malaysia atau *Malaysian Forestry Conference (MFC)* ke-19. Sepanjang persidangan berlangsung, buletin ini akan menjadi medium pengantara dalam menyampaikan laporan harian kepada ahli persidangan. Buletin ini akan mencatat pelbagai informasi berkaitan dan merakamkan aktiviti-aktiviti yang mewarnai Persidangan Perhutanan Malaysia ke-19 ini. Penerbitan buletin harian secara digital memastikan ianya mudah dicapai tidak kira masa khususnya oleh setiap ahli persidangan.

Diharapkan buletin ini akan memberikan manfaat kepada semua. Sekian, Terima kasih

MOHD RIDZUWAN BIN ENDOT  
Ketua Pengarang *19th MFC Bulletin*

# 19 th MFC BULLETIN



## PERTANDINGAN GOLF

Satu pertandingan golf sempena Persidangan Perhutanan Malaysia telah diadakan di Mahkota Golf Country Club (MGCC) pada 12 Jun 2022 dan telah disertai seramai 32 peserta. Pertandingan golf ini telah dimenangi oleh Jabatan Perhutanan Sabah A. Menduduki tempat kedua adalah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia B dan Jabatan Hutan Sarawak A di tempat ketiga. Kategori individu telah dimenangi oleh peserta dari Jabatan Perhutanan Sabah. Senarai keputusan adalah seperti berikut:

	PEMENANG	MATA
1 <sup>st</sup>	Paul Leo Lohuji	81
2 <sup>nd</sup>	Richard Madanan	85
3 <sup>rd</sup>	Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf	85
4 <sup>th</sup>	Hj. Zulkifli bin Abu Bakar	86
5 <sup>th</sup>	Dr Grippin Anak Akeng	87
6 <sup>th</sup>	Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid	90
7 <sup>th</sup>	Tuan Haji Ramli bin Mat	91
8 <sup>th</sup>	Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang	91
9 <sup>th</sup>	Edevaldo J Yapp	92
10 <sup>th</sup>	Abtah Deri	93

NOVELTIE	PEMENANG
Longest Drive	Arif bin Zaid
Nearest To The Pin	Richard Madanan
Nearest To The Line	Haji Madhan bin Haji Kiflie



# 19 th MFC BULLETIN



## KEJOHANAN FUTSAL

Kejohanan futsal telah diadakan di PlayGround No.6, Semambu Kuantan. Sebanyak 6 pasukan telah menyertai pertandingan ini. En Mohd Khairul bin Abdullah dari Pasukan JPSM A telah dinobatkan sebagai Penjaring Terbanyak. Keputusan Kejohanan adalah seperti berikut:

KATEGORI	KEPUTUSAN
JOHAN	JPSM A
NAIB JOHAN	JPSM B
TEMPAT KETIGA	JP SABAH B



## Tempat menarik



## Air Terjun Pelangi

Air terjun pelangi terletak di kawasan Sungai Lembing, Kuantan. Merupakan kawasan destinasi pelancongan yang menarik untuk para pengunjung. Antara tarikan di sini adalah para pengunjung boleh menikmati pancaran Pelangi di permukaan air terjun.




## Menara 188

Menara 188 merupakan tarikan terbaru di Bandar Kuantan. Dibuka setiap hari kepada orang awam. Terdapat 2 pakej yang ditawarkan iaitu Observation deck dan Skydeck. Harga tiket masuk boleh lihat di laman sesawang dibawah.

[www.menarakuantan188.com.my](http://www.menarakuantan188.com.my)

# 19 th MFC BULLETIN



## LENSA KAMERA



# 19<sup>th</sup> MFC BULLETIN



## LAWATAN KELUARGA ASTROTOURISM-PAHANG AMAZING SKY & RIVER SAFARI KELIP-KELIP



REMINDER

Do not forget

### MAJLIS PERASMIAN & MAKAN MALAM MFC KE-19

**13 Jun 2022 - (8.00 mln)**  
bertempat di Cashmere Ballroom,  
The Zenith Hotel Kuantan, Pahang

Tema : Batik/ Tenun Pahang

### LAWATAN KELUARGA

- 13 Jun 2022**
- Muzium Sungai Lembing, Kuantan.
  - Demo Pembuatan Laksa Pahang